

Headline	Ciera produk mesra alam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	07 Aug 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	38	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	324 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,782
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,346



*Usahawan PKS*

Produk Ciera ini dihasilkan melalui teknologi Frim dan didatangkan dengan wangian pain, bunga atau lavender.

# Ciera produk mesra alam

**INSTITUT** Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) melalui Nature Profusion Sdn Bhd (Nature Profusion) memperkenalkan produk keperluan rumah dikenali Ciera bagi pasaran di Lembah Klang.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, Ciera adalah produk disinfektan mesra alam yang boleh digunakan untuk menyahjangkit kuman pada peralatan dan kelengkapan di rumah.

Menurutnya, ia diperbuat daripada campuran ekstrak tumbuhan unik sebagai bahan aktif sekali gus tidak menyebabkan kerengsaan dan toksik.

“Selain daripada selamat digunakan dan lembut pada kulit, formulasi bebas hipoklorit ini juga tidak meluntur atau menghakis permukaan lantai dan dinding,” katanya.

Ciera adalah produk yang berkesan terhadap patogen lazim dan *superbugs* ‘MRSA’ (*Methicillin-resistant Staphylococcus aureus*) dan *Visa* (*Vancomycin-intermediate Staphylococcus aureus*).

Beliau yang juga Pengerusi Nature Profusion berkata,

produk Ciera kini boleh didapati di semua cawangan Jaya Grocer dan Central Hypermarket .

Melalui perjanjian yang ditandatangani Julai lalu, Central Hypermarket akan mengedarkan produk Nature Profusion melalui pelbagai lokasi di sekitar Lembah Klang.

“Rangkaian perniagaan Central Hypermarket dijangka akan membantu syarikat untuk menembusi pasaran dan mencapai potensi jualan,” katanya.

Nature Profusion adalah sebuah syarikat permulaan yang menghasilkan barangan rumah berasaskan tumbuhan dan herba dan ditubuhkan melalui inkubator perniagaan Frim serta Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Syarikat ini telah memenangi pelbagai anugerah antarabangsa dan tempatan seperti Ciptaan Terbaik untuk kategori sanitasi daripada Persatuan Tandas Hong Kong (HKTA), Anugerah Pingat Perak ITEX (2009) dan Persijilan Label Eko SIRIM daripada SIRIM QAS International.